KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	06/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

Utusan 6.12.2021_34

TNB komited biayai kediaman keluarga miskin tegar

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus komited membantu seramai 30 lagi ketua keluarga dalam kalangan miskin tegar di ibu negara mencapai impian memiliki kediaman sendiri seterusnya memastikan keluarga mereka mempunyai tempat untuk berlindung.

Penerima adalah penyewa di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) yang terpilih menjadi pemilik rumah melalui Program Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) TNB.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, PBJ dilaksanakan dengan bantuan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat-syarikat dan ia perlu diumumkan supaya rakyat mengetahui bagaimana dan di mana wang syarikat berkenaan dibelanjakan untuk rakyat.

"Semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan diperjuangkan nasib dan masa depan mereka di bawah konsep Keluarga Malaysia.



SHAHIDAN Kassim (tengah) bersama Hasan Arifin (kanan) menyampaikan replika kunci rumah kepada G. Kaniapan. - IHSAN TNB

"Kementerian Wilayah Persekutuan akan sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan sosial dan kesihatan kehidupan rakyat sentiasa diutamakan dari semasa ke semasa," katanya selepas menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah kepada 30 penerima, baru-baru ini.

Penyerahan rumah PBJ Keluarga Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan itu dihadiri Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che' Ngah.

Sementara itu, Hasan berkata, PBJ TNB yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung adalah sejajar dengan saranan kerajaan supaya syarikat milik kerajaan (GLC) membantu kerajaan membaiki rumah kediaman golongan yang memerlukan, agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa.

"Pelaksanaan PBJ merangkumi usaha membaiki, membeli atau membina kediaman golongan B40 dan asnaf terpilih meliputi ibu tunggal, warga emas dan golongan miskin dengan nilai sumbangan RM50,000 setiap penerima," ujarnya.

Turut menerima rumah ialah lapan keluarga di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan. Pemberian dalam suasana sukar ketika ramai bergelut membayar hutang atau sewa rumah itu menghapuskan kebimbangan yang meningkat terhadap keupayaan mereka menyediakan tempat perlindungan secara berterusan kepada keluarga masing-masing sejak pandemik Covid-19 melanda tahun lalu.

Ia dijayakan menerusi kerjasama strategik TNB dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), menggunakan dana diperolehi daripada wang zakat perniagaan tahunan TNB yang dikembalikan MAIWP.